



APPENDICES

APPENDIX A

INFORMED CONSENT LETTER

Date: 26 June 2023

INFORMED CONSENT LETTER

RESEARCH TOPIC:

WOMEN CAREER ADVANCEMENT: A CASE STUDY FEMALE STAFF WORKING IN GOVERNMENT SECTORS

Organizer: *Nur Adilah binti Ab Aziz*

Master in Dakwah and Islamic Leadership
Faculty of Leadership and Management (FKP)
Islamic Science University of Malaysia

This session focuses on the Women Career Advancement: A Case Study Female Staff Working in Government Sectors and will be facilitated by Nur Adilah binti Ab Aziz.

Participation in this session is voluntary and will be a discussion of the issues associated with the Women Career Advancement. There are no known or anticipated risks to your participation in this session. You may decline answering any questions you feel you do not wish to answer and may decline contributing to the session in other ways if you so wish. For your information, your name will not be identified with the input you give to this session. The information collected from this session will be kept confidentially.

There is no format for this interview sessions. If you have any questions about participation in this session, please feel free to discuss these with the facilitator. If you are interested in receiving a copy of the executive summary of the session outcomes, please contact the researcher Nur Adilah binti Ab Aziz and nuradilahaziz4@gmail.com.

I would like to assure you that this study has been reviewed and approved by the supervisor, Dr. Kalsom Ali. However, the final decision about participation is yours.

Thank you for your assistance with this project.

Yours sincerely,



INFORMED CONSENT LETTER
(WOMEN CAREER ADVANCEMENT)

Agreement to Participate

By signing this consent form, you are not waiving your legal rights or releasing the investigator(s) or involved institution(s) from their legal and professional responsibilities.

I have read the information presented in the information letter about the session being facilitated by **Nur Adilah binti Ab Aziz**. I have had the opportunity to ask the facilitator any questions related to this session, to receive satisfactory answers to my questions, and any additional details I wanted. I am aware that I may withdraw from the session without penalty at any time by advising the facilitator of this decision.

This project has been reviewed and approved by the Course Coordinator, Dr. Kalsom Ali. I understand that if I have any comments or concerns resulting from my participation in this study, I may contact the supervisor, Dr. Kalsom Ali (kalsomali@usim.edu)

With full knowledge of all foregoing, I agree, of my own free will, to participate in this session and to keep in confidence information that could identify specific participants and/or the information they provided.

Sincerely,



NORHAYATI BINTI MIDIN

Guru Besar

Name:

Sekolah Kebangsaan Morak

Date:

16040 Palskang, Tampar, Kelantan.

APPENDIX B

INTERVIEW QUESTIONNAIRE

Respondent's demographic background

- Name
- Age
- Highest level of education
- How many children do you have?
- How long have you been working in the public service?
- What position are you currently holding?
- How long have you been in your present role?
- What are the main tasks of your role in the workplace?

Objective 1: Factors Influencing Women Career Advancement

➤ Spouse Factors

- Does your partner provide support, and if so, what form does the support shown by the spouse in family management?

➤ Employer Factors

- Can explain the personality of your current employer and can explain what it looks like welfare facilities and support given to you in doing task?

➤ Peer Factors

- Is your colleague, someone who is willing to share various knowledge and the skills you have to help facilitate your work affairs?
- What form of physical and mental support is given by your colleague at work?

➤ Children Factors

- Do you believe that children become a strength in doing activities work whole day?

- How is the availability of children in doing homework independently seen as a strength for mothers to succeed in doing tasks in the office, to what extent have you worked towards forming independence in your children?

Objective 2: Barriers faced by women career advancement

➤ Gender Discrimination

- There is a culture that denigrates the strength of women and it is also very synonymous known as gender discrimination. What do you think of this sentiment? did it happen at your work?
- From your own experience, what are the obvious forms of gender discrimination that exposed in the context of your work environment?

➤ Glass Ceiling

- Are there promotion opportunities and opportunities to hold positions in performance of duties and responsibilities at work is it seen as equal for men and women?

➤ Work Life Conflict

- Can you explain the approach you use to balance implementation between your career and family life activities?

➤ Child-care Support System

- Do you see the role of childcare support center (definitely, kindergarten) as a platform that helps the smoothness of your work activities?

➤ Family Consideration

- If there is a claim to work outside working hours such as after 5 pm /on weekends / public holidays do you get consideration which appropriately from the family to take care of and manage the household affairs abandoned?
- To what extent can you get consideration from the children to understand your work who comes home late?

➤ **Excessive work and exhaustion**

- Do you often get excessive work that affects your mental health?
- Are you burdened with your work at the office?

➤ **Organizational Structure, Culture and Practice**

- Is the culture of replacing in others job often occurs in your work environment?
- Do you often face the scenario where must do a challenging work until it affect to your health?

➤ **Personal Factors**

- What are your strengths and weaknesses and how do you overcome them?
- What inspired you to continue your career to this point?

APPENDIX C
SAMPLE OF TRANSCRIBED OF INTERVIEWS

TARIKH : 26 JUN 2023
MASA : 9.00 PG – 11.00 PG
TEMPAT : SEKOLAH KEBANGSAAN MORAK
RESPONDEN : 1
JAWATAN : GURU BESAR

I/R	KANDUNGAN	KOD
I	Assalamualaikum wbt. Selamat pagi Cikgu. Saya Adilah merupakan pelajar master daripada USIM dalam jurusan da'wah dan kepimpinan. Pertama sekali saya nak ucapkan terima kasih buat cikgu kerana sudi sediakan ruang dan masa untuk saya interviu cikgu pada hari ini. Untuk pengetahuan cikgu sekarang ini saya sedang menjalankan kajian disertasi saya berkaitan dengan Penyelidikan Kualitatif mengenai topik "Pengukuhan Kerjaya Wanita". Jadi didalam kajian ini saya nak taulah berkaitan dengan yang pertama berkait dengan apakah faktor yang mendorong wanita ini untuk meneruskan kerjaya mereka, dan yang kedua saya ingin tahu berkait dengan apakah halangan yang dihadapi oleh wanita yang bekerjaya ini dalam meneruskan kerjaya merekalah.	
R	Walaikumussalam. Okay. Sama-sama.	
I	Sebelum kita memulakan temu bual kita, saya ingin meminta cikgu menanda...menandatangani surat persetujuan. Surat persetujuan ini menyatakan bahawa, tiada risiko yang diketahui atau dijangkakan terhadap penyertaan cikgu dalam sesi ini. Dan	

	cikgu boleh menolak menjawab sebarang soalan yang cikgu rasa cikgu tidak mahu jawab dan mungkin menolak untuk menyumbang kepada sesi dengan cara lain jika cikgu mahu. Untuk makluman cikgu, segala data cikgu termasuklah nama dan input yang cikgu kongsi pada saya harini tidak akan dikenal pasti dan dikongsi oleh mana-mana pihak. Maklumat yang dikumpul daripada sesi ini akan dirahsiakan.	
R	Okay, baiklah.	
I	Sekiranya cikgu bersetuju, cikgu boleh menandatangani surat persetujuan sesi temu bual kitapada hari ini...dan untuk pengetahuan cikgu perbualan kita adalah sulit.	
R	Buka pen. Tandatangan surat perjanjian.	
I	Ok cikgu boleh saya kita mulakan sesi temu bual kita pada untuk hari ini	
R	Ya silakan.	
I	Ok cikgu...sebelum tu boleh cikgu ceritakan serba sedikit tentang latar belakang cikgu?	
I	Ok...bismillahirrahmanirahim, nama saya Norhayati binti Midin. Berasal dari Kg Kepulau. Tapi saya sekarang menetap di Kg Kok Keli. Suami saya pun seorang guru, Said Abidin bin Abdullah. Saya mempunyai dua orang cahaya mata lelaki. Dan semua sudah bekerjaya yang mana yang sulung dah berkahwin. Mmm saya sudah berkhidmat dalam sektor kerajaan ni selama 33 tahun termasuk tahun ini. Alahamdulillah diberikan kesihatan yang baik lagi sehingga harini untuk berkhidmat kepada masyarakat. Dan sebelum ini sekolah pertama saya ialah di Muhsin Jerteh, Terengganu dan selepas 2 tahun disana saya berkawin dan mohon untuk berpindah ke Kelantan. Dan sekolah kedua saya SK Seri Kereh. Disitu selama 4 tahun. Selepas 4 tahun saya merasa ingin berubah suasana, ingin balik ke kampung, dan saya mohon untuk pindah ke ppd Tumpat. Dan sekolah ketiga saya ialah SK Kok Keli. Disitu saya berada selama 20 tahun. Daripada guru penolong biasa, saya dilantik menjadi PK KO dan PK Hem disitu dalam	

	masa 20 tahun disana. Selepas itu saya mengambil kursus MPQAL untuk jawatan guru besar, dan kemudian saya dilantik sebagai guru besar pada 2017 di SK Palekbang. Berada disitu selama 3 tahun saya dipindahkan ke SK Morak sekarang ini, pada tahun 2021. Dan in shaa Allah mungkin disini sampai saya bersara lah, in shaa Allah sebab saya rasa pun tak lama dah. Saya ingin bersara mungkin mengikut suami saya tahun depan dia bersara tapi mmm saya tak boleh nak tentukan lagilah bila saya akan bersara tapi in shaa Allah dalam masa setahun dua lagi ke, in shaa Allah diberi kesihatan yang baik. Umur saya sekarang 56 tahun, nampak muda tapi sudah berusia. Kalau orang dulu-dulu umur 56 tahun dah bersara dah kan, tapi saya masih lagi berkhidmat dan diberi kesihatan yang baik lagi, Alhamdulillah.	
I	Cikgu mulakan profesion sebagai cikgu ni bermula dari umur berapa lagi?	
R	Dari umur 23 tahun lagi, dan sekarang sudah 33 tahun saya menjadi seorang guru.	
I	Macam mana dari segi peringkat pendidikan cikgu, bermula dari ijazah perguruan ke? Macam mana	
R	Saya bermula dengan sijil dulu. Sebab dulu kami tidak diploma. Saya dari Maktab Perguruan Persekutuan Pulau Pinang. Sekarang ni dikenali sebagai IPG. Dan saya bermula disitu, saya masuk kolej pada tahun 1988. Kolej dulu dia 2 tahun setengah saja, So, Tahun 1990 saya diposting ke sekolah pertama LKPT Terengganu. Dan bermula daripada disitu saya menjadi seorang gurulah. Jadi, karier saya bermula dengan sijil, dulu sijil perguruan. Dan sijil tu ada lagi sampai sekarang iaitu daripada sijil dia tukar pada diploma. Saya automatiknya bila dah ditukar pada diploma, sijil saya pun bertukar pada diploma jugalah. Cuma dia tak keluarkan diploma tu atas namalah. Dari sijil perguruan ke diploma perguruan. Kemudian pada tahun 2006-2010 saya start belajar ambil degree selama 4 tahun dekat OUM	-Tahap pengajian

I	Okay jadi masa kat kolej tu selama 2 tahun setengah ye cikgu	
R	Haah, pastu saya mengajar. Kemudian saya rasa saya perlu teruskan lagi dan saya rasa saya masih berminat lagi untuk belajar. Rasa tak puas lagi untuk belajar sebab tak sampai macam orang kata dulu nak jejak tangga university, tapi tak abis lagi setakat tu saja saya belajar dulu. Saya rasa masih berpeluang, ada peluang lagi untuk saya sambung. Dan masa tu juga anak pun dah besar semua. Anak pun sama belajar dengan saya time tu, yang mana anak saya dia belajar dekat UITM dan saya masuk OUM. Masa tu saya start belajar ketika umur 30 lebih. Masa saya buat permohonan kat OUM untuk sambung belajar, masa itu peluang untuk saya TESL. Masa tahun 2005 saya buat conversion kat Maktab Sultan Mizan dalam beberapa bulan untuk convert ke bahasa inggeris. Sebenarnya saya bermula dari option bahasa melayu, kemudian bila pergi ke sekolah saya diberi tugas untuk mengajar subjek matematik dan bi. Jadi, saya tinggal bahasa melayu saya kemudian, saya kata dah alang-alang saya mengajar bahasa inggeris, so why not saya convert kan. Saya pun convert bahasa inggeris. After convert tu saya mohon TESL dekat OUM dan dapat rezeki saya. Pada mulanya saya berserah lah kalau tak dapat pun takpe, Tapi rezeki dapat sambung kat OUM selama 4tahun mmmm dan fikir jugaklah sama ada nak terima ke tak. Sebab saya lonely takde kawan masa tu. Lepas tu ada jumpa kawan jauh pastu dia katalah datanglah sambung belajar dengan dia. Kawan ni masa saya sama-sama convert dengan dia dekat maktab sultan mizan. Jadi sambunglah saya dengan dengan sama-sama dekat OUM. Selama 4 tahun saya sambung degree, dalam TESL ni. Ini juga semangat untuk anak-anak. Sebab masa saya sambung tu, anak saya tengah sama-sama belajar juga kan. So, semangat untuk diorang jugaklah untuk sambung belajar, malah sama-sama menelaah buku. Lepastu Alhamdulillah dah habis semua tu, saya dilantik DG41 pada tahun 2010. Masa tu saya pegang jawatab PK KO dekat SK Kok Keli. Itu sekolah saya paling lamalah. Pastu saya dapat naik DG44 pun kat situ juga. Dan	

	in shaa Allah tahun ni naik DG48. Itulah karier saya bermula dari sijil kepada degree.	
I	Dulu memang payah cikgu kan	
R	Masa tu peluang, sebab masa saya tu kena mohon untuk nak sambung belajar. Tapi, lepastu dibuka untuk semua guru buat degree kan. Yang tu percuma. Dia tak banyak kos lagi masa tu dia buka untuk semua guru sambung belajar. Tapi masa saya ni, saya mohon. Kira awal lagilah pada masa tu. Saya terpaksa mohon kalau nak belajar dan kena buat pinjaman dan sebagainya.	
I	Okay, seterusnya cikgu kita masuk pada objektif pertama kitalah yang mana saya nak tahu dari segi faktor yang mendorong cikgu untuk sambung profesion sebagai seorang cikgu ni. Okay, jadinya saya nak tanya adakah pasangan cikgu memberi sokongan dan sekiranya ada bagaimana bentuk sokongan yang ditunjukkan oleh pasangan cikgu dalam pengurusan keluarga ini?	
R	Okay, itu sudah semestinyalah. Pada mulanya dia tak berapa nak sokong. Sebab dia kata dah berusia dan pada masa itu umur saya lebih kurang 36 tahun. Jadi pada masa itu pun gaji kita orang kata dah tinggi lah kan jugak pada orang yang belajar setakat diploma ni. Masa tu dah diiktiraf diploma ni. Okaylah, dia pun sama-sama macam saya juga daripada sijil kepada diploma kan. Lepastu dia tak nak belajar dah, suami saya ni dia macam dah tutup buku dah untuk belajar. Padanlah dengan apa yang ada. Pastu saya kata saya nak belajar lah. Yang saya mohon tu saya dapat kan. Dia kata oo rugi jugak belajar penat-penat sebab gaji tak seberapa pun, itu pada masa tu. Kira tak Nampak lagi future kan. Suami saya kata tak yahlah sebab dia kata takde beza sangat pun degree dengan diploma ni. Saya kata takpelah saya nak cuba, bukan pandang pada gaji saya, mungkin ilmu dan sebagainya. Bolehlah saya try. Pastu last dia kata, okaylah kalau nak sambung belajar, kalau dia, dia tak nak dah. Okaylah kalau awak dah bagi peluang untuk saya sambung belajar ni, Alhamdulillah. Jadi saya pun teruskan. Sebab saya pun kata anak pun dah besar-besar kan, masa tu anak yang	

sulung umur 18 tahun dan bongsu 16 tahun tapi dia kat Alamsyah jadinya tade orang kat rumah. Yang sulung dah masuk UITM, bongsu pulak duduk Alamsyah. So, takde orang dirumah saya kata why not saya belajar kan, takde masalah keluarga dah, anak- anak pun dah takde masalah. Pastu suami saya kata okaylah kalau nak sambung belajar. Pastu bila dah belajar support memang moral support tu perlulah. Sebab kata sokongan kita stress, belajar walaupun kita takde anak disisi tapi kita siap makan minum suami, kita mengajar dan yang penting kita mengajar murid- murid pulak. Kita belajar dan kita mengajar. Dan itu dua perkara yang sangat-sangat memberi kesan pada kita. Kita rushing, kita nak kejar kan. Ni nak buat esaimen lagi, tapi bahan untuk murid tak siap lagi, nak mengajar esok macam mana, nak siapkan bahan untuk kita belajar, esaimen lagi terpaksa kita rushing dan terpaksa hadap semua benda tu untuk kecemerlangan kita. Kita tak naklah gagal dalam belajar kita, kita tak nak juga murid kita gagal so kita perlu kuatlah untuk menghadapinya sehingga saya dapat memegang segulung ijazah. Haaa... Finally, saya tak pernah kandas, dan saya tak pernah failed walaupun saya pernah menghadapi masalah-masalah lain. Takde orang yang takde masalah, semua ada masalah. Cuma berat ringan dan kita walaupun berat kita dapat berjaya menghadapinya, menyelesaikannya. Kita ada solution yang baik. So, takde masalah bagi kita. Haa macamtulah. Sebenarnya bukan kata takde masalah, ada tapi dapat menghadapinyanya dan mengatasinya dengan baik. Itu yang pentingnya haa... So, kita cubalah uruskannya dengan baik dan saya tak pernah gagal dalam peperiksaan. Dan saya pernah mendapat anugerah dekan. Mula- mula belajar sebab kita dah stress, mula-mula tu memang kita stress sebab TESL kan bahasa kedua bahsa asing, kita nak belajar. Kita bukannya pro, dan speaking everyday, jarang-jarang sekali kita speaking. Tapi yang okaynya sebab saya mengajar bahasa inggeris. Haa masa tu saya mengajar murid bahasa inggeris sambil saya belajar so, memberikan impaklah kepada saya.	- Mendapat sokongan daripada suami (-menyambung pengajian untuk tingkatan kerjaya)
---	--

	Maknanya kesan tu, kita nak tahu kan pastu kena explore benda tu kan so, itu yang bagus untuk saya lah. So bila mula-mula stress, pastu saya kata ishh belajar ni stress lah sebab kena belajar bahasa asing, dictionary selalu berada kat tangan saya ni kan. Saya kata stress betullah saya nak berhenti, lepastu bila dah first exam untuk semester 1 saya dapat anugerah dekan, bila dapat anugerah dekan tu kawan-kawan sekelas tu bagi supportlah kata kenapa nak berhenti, sebab sayakan antara yang tua dalam kelas tu. Pastu diorang kata “kak tie boleh anugerah dekan, memang boleh lah maknanya, kenapa nak berhenti...kami ni rasa nak belajar tengok kak tie ni rasa semangat. Kalau kak tie berhenti habis laa. So belajarlah” diorang kata. Okay takpelah, oleh kerana kawan-kawan support, saya teruskan. Tapi bantuan kawan-kawanlah kuat. Masa kami nak exam pun kami buat group study haa... Walaupun dah tua tapi sebab kita semangat nak belajar nak dapatkan yang terbaik, kita buatlah group study last minute, camtulah dan akhirnya berjaya. Tapi yang penting suami kita. Suami saya bantu dalam buat esaimen, malam-malam kan kita dah takde masa, sebab siang hari mengajar malam kita belajar, so saya terpaksa buat esaimen malam kan berjaga semua, support, dia yang tolong print esaimen. Saya buat taip-taip semua dialah yang tolong print, dia bantulah semua. Bukan kata moral support saja, bukan kata dari segi rumah tangga dan anak sahaja tapi dalam esaimen pun dia bantu print dan sebagainya.	- Pasangan membantu dalam memberikan sokongan fizikal dan mental.
I	Soalan yang kedua, boleh tak cikgu terangkan personaliti @ perwatakan majikan semasa cikgu, dan bolehkah cikgu terangkan bagaimana bentuk kemudahan kebajikan serta sokongan yang diberikan kepada cikgu dalam melakukan tugas?	
I	Okay semasa saya bekerja, sekarang ini saya sendiri yang menjadi pentadbir. Kalau sebelum ini saya berada dibawah orang kan. Maknanya pentadbir kita tu kita jumpa macam-macam. Macam-	

macam personaliti yang kita jumpa, dia tak sama. Sekolah pertama saya mmm semua pentadbir bagus tapi cara mereka berbeza. Okay sebab saya tak lama disekolah pertama, 2 tahun saja tapi pentadbirnya Alhamdulillah, maknanya kita bekerja dengan baguslah dekat situ dapat pengalaman yang baik sebab pentadbir ni menyokong apa yang kita lakukan, maknanya dia dia tak halang. Dan disitu juga saya diberi peluang, dia bagi peluang untuk kita, maknanya apa yang kita nak lakukan yang terbaik buat anak murid, dia sokong. Saya boleh bawa murid sampai ke peringkat negeri dan sebagainya atas sokongan beliau lah. Masa tu saya berada jauh di Jerneh Terengganu kan, kira stay sana kira seminggu sekali baru balik. So, masa hari minggu tu dia takde halangan untuk kita bekerja dan beraktiviti dengan murid-murid. Maknanya dia sokonglah kan, baguslah. Walaupun dia tak mengambil orang kata apeni bahagian dalam tu, tapi dia menyokong kita melakukan apa sahaja yang terbaik. Dan yang bila saya pindah ke SK Seri Ketereh tu, saya jumpa dan sempat berada di bawah 3 orang pentadbir, guru besar di SK Seri Ketereh, 4 tahun tapi 3 orang guru besar. Yang pertama tu saya tak berapa rapat sangatlah sebab saya pergi tu dia memang orang dakwah. So, dia tak close sangat dengan kita. Tapi yang penting kita mengajar. Yang penting kita bekerja dengan baik dan ikut macam sunnah banyaklah sebab dia lebih pada dakwah. So, dia nak kita buat yang terbaiklah. Haa itu yang pentadbir pertama. Yang kedua, seorang yang emm perekod, semua yang kita lakukan dia ada rekod. So, kita tak boleh nak apeni orang kata nak curi masa dan curi tulang, macam tulah. Dia memang rekod apa yang kita lakukan, walaupun masa tu sekolah tu besar, murid hampir dalam around 1000 orang dan cikgu dalam 60 lebih. Tapi dia boleh control semua cikgu tu, dia rekod semua. Dia ada nilah dia punya mata-mata lah kan. Tapi maknanya dia boleh tahu semua kegiatan kita disekolah. Walaupun sekolah tu besar, murid ramai. Dan kita dalam sehari- hari tu, kadang kita tak jumpa pun kawan kita cikgu tu, sebab kita masing-masing, blok	- Perwatakan Majikan - Mempunyai majikan yang mempunyai perwatakan yang memahami
---	--

pun lain-lain, mengajar pun masing-masing. Tapi nak ceritanya guru besar ni memang perekod. Dia memang rekod dan catat dalam diari dia, kita ni buat apa dan apa. Kalau yang ada kesilapan dia terus panggil bersemuka dan bagi nasihatlah. Dan kalau ada alasan, dia arahkan kita kemana-mana, dan kita tak dapat nak melakukan apa yang dia arahkan, dia minta kita untuk tulis surat. Kena tulis surat kenapa alasan, kita bagi alasan kenapa kita tak dapat nak jalankan arahan dia. Contohnya, bila kita kena bawa budak untuk pertandingan, tapi kita rsa kita tak boleh nak pergi kan, jadi kita bagi alasan dan suratlah kat dia, tunjuk sebab dan itulah guru besar yang kedua. Guru besar yang ketiga very friendly, walaupun dia friendly tapi tugas tetap tugas. Dia akan round kelas pada first period tu dah round dah kelas. Tapi dia tak marah kita, tapi kita akan jadi respect kat dia. So, kita akan rasa takkanlah guru besar nak masuk dulu dari kita. Jadi kita automatically kita akan bersiap sedia sedia 7:45 tu mesti berada dalam kelas dah. Kalau tak dia yang masuk dulu. Dia yang mengajar murid tu. Bila kita masuk lewat dalam 2-3 minit, tengok dia dah mengajar kat situ. Pastu kita rasa macam mana? Kita rasa malukan. Sebab dia dah mengajar dah murid kita. Dia tak banyak cakap tapi dia melakukan. So, kita rasa malu alah lah kan, so kita dengan sendirinya “eh tak boleh ni, 7:45 mesti kena ada dalam kelas dah”. Haa macam tu. Itu guru besar lelaki semua. Tapi dia friendly lah, dia close, selalu masuk bilik guru berbual. Tapi yang 2 orang sebelum ni tak. Tapi yang ni masuk bilik guru berbual dengan cikgu-cikgu, tanya masalah dan sebagainya, dia close lah dengan kita. Tapi sekarang ni dia dah takde dah, meninggal sebab sakit jantung. So, daripada itu kita banyak belajar. Saya sebelum jadi pentadbir ni saya banyak belajar lah, saya tengok oo macam ni pentadbir, dia ni macam ni. So, banyak pengalamanlah yang kita timba daripada situ. Dan kita daripada guru biasa kan, so kita tengoklah macam mana, pk macam mana, guru besar macam mana. Kita banyak jumpa orang macam tu, melalui ramai pentadbir, kita kenal. Sekolah yang ketiga SK Kok Keli saya	- Berwatakan peramah. friendly - menunjukkan contoh dan sikap yang baik kepada para pekerja - Belajar daripada pengalaman - Membina potensi
--	--

	sempat mmm guru besar yang pertama tu guru yang pernah mengajar saya dulu, dan yang kedua orang Pasir Mas, yang ketiga emm orang Tumpat. Saya ramai juga kenal pentadbir dalam 5,6 sebab saya mengajar sana 20 tahun kan, so ramai sangat sampai saya lupa berapa orang, rasa dalam 8 orang gitu.	
I	Semua pentadbir lelaki juga ke cikgu?	
R	Tak, ada seorang pentadbir perempuan. Cikgu Ramzah, dia baiklah dengan saya. Dan dia memang guru perempuan yang terbaiklah dalam kalangan guru besar. Dia boleh angkat Berangan 1 menjadi sekolah yang terbaik. Kan Cikgu Ramzah tu guru besar SK Berangan 1. Haa sebelum ni dia cikgu Pk kat sane lepastu dia dia naik jadi guru besar kat Kota Bharu dan dia balik kembali ke SK Berangan 1 dan sekarang ni sudah bersara dah pun. Dia bersara ketika umur 56 tahun. Saya banyak ambik dia punya pengalaman bersama dia sebagai guru besar yang banyak bekerja. Apeni dia suka bekerja. Dia memang strict juga kan, tapi strict dia tu untuk kebaikanlah. So, banyaklah pengalaman kat situ. Memang tempoh guru besar dekat SK Kok Keli tu memang bukan lama, 2-3 tahun pindah, dan 2-3 tahun pencen haa macamtu jadi ramailah jugaklah pertukaran guru besar kat situ. Banyaklah kita tengok pengalaman kita dengan guru besar sebelum ni dan kita tengok diorang dan kita ambik sebagai panduan untuk kita, macam mana kita jadi guru besar nanti. Jadi kita akan tengok ooo ini macam ni, ooh dia ni macam ni haa so, daripada situ kita kan pada masa tu orang bawah kan tengok ehh tak suka lah macam ni kan...So kita ramai-ramai tengok pendapat cikgu-cikgu pulak “ohh guru besar macam ni kita tak suka” ohh kita dah oh kalau aku jadi guru besar esok orang tak suka lah kalau aku buat macam ni, macam tulah. That’s why, kita melalui pengalaman yang banyak, bersama pentadbir yang ramai so, kita sikit-sikit kita adalah cara kita tu terikut-ikut dengan orang. Tapi kita tetap ada cara kita sendiri gitulah.	- Menjadi inspirasi dan dorongan
I	So, kalau dari konteks macam kebajikan, kelulusan cuti tu.....	

R	Haaa itu, kalau kelulusan dan kebajikan tu untuk guru, kitalah sebagai guru biasa kita kena tengoklah keadaan. Kadangkan kita tak boleh nak strict sangat, tapi kalau kita tak strict orang akan ambik peluang kan. So, kita kena timbang aaa pandai menguruskan dengan baiklah, cikgu-cikgu nikan kalau kita bagi muka dia akan ambil peluang. So, kita kena pandai tarik macam tarik rambut dalam tepung lah. Haaa... kita kena beli hati dia yang penting, beli hati guru-guru tu. Tu sebab kita dah jadi pentadbir sekarang. Masa kita duk bawah dulu pun, masa saya jadi guru biasa dulu pun, cikgu-cikgu saya mudah berkiralah, kalau ada apa-apa maslah ke senanglah. Kalau cuti dia bagi je. Masa dulu cuti tak lama 3 hari. Saya bermula dengan cuti rehat 3 hari kan dulu. Kemudian naik pada 7 hari, 10 hari dan sekarang naik pada 15 hari untuk guru-guru kan. Jadi dulu tu kita takde banyak cuti, so mc lah kalau ada sakit lebih pada 3 hari tu. Dan dulu kita rasa 3 hari nak ambik cuti tu, rasa macam tak perlu sangat kalau kita tak betul-betul sakit kan. Tapi sekarang kerajaan dah pandang semua tu untuk kerjaya kan, kadang-kadang membantu kerjaya kita bagi peluang untuk cuti, permudahkan dapat cuti so apeni kerjaya cikgu kita tu macam contohnya khidmat dialah dapat lebih improve kalau kita halang benda ni tak bagi and tak bagi jadi mungkin cikgu ni akan rasa down, malas dalam bekerja ni eh seronok lah ada masalah bolehlah nak mohon cuti, nak minta mc boleh je kan guru besar bagi sebab kita ada masalah. So nanti kita daripada yang kebaikan tu kita gunakan untuk kita meningkat prestasi kita nanti haaa yang tu penting. So, masa saya jadi orang bawah dulu, saya tengoklah takdelah cikgu besar yang tak bagi straight cuti, takde sebab masa tu cuti tak banyak so, kita bekerja je. Sebab saya tak sangat ambik cuti. Saya tak tahulah cikgu lain. Tapi anak saya, kalau dia sakit pun dia demam saya minta lambat sikit masuk, jam 8 tu saya pergi klinik, ambil ubat semua dan saya hantar ke nursery dengan ubat-ubat tu saya jarang ambil cuti. Saya rasa tak perlulah ambil cuti sebab anak kita, selagi anak kita demam biasa, sakit biasa tak perlu ambil cuti. Anak saya pun	- - Menjaga kebajikan pekerja - Memberi kemudahan cuti
---	---	---

	takde masalah lain dia demam biasa, sakit biasa je, so pergi ambil ubat kat klinik and jam 8:30 masuk kelas. Klinik dan nursery dekat je dengan sekolah saya dulu, Ktereh. So, pegi klinik hantar anak nursery dan pergi sekolah. Kalau ada apa-apa cikgu kat nursery tu akan call laa. So, takde masalah bagi saya, cuti takpe ambil.	
I	Jadi nak kata kat sininya semua pentadbir cikgu semua senang laah untuk berurusan dalam hal-hal yang melibatkan kebajikan guru-guru ni kan....	
R	Yaaa sangat senang semuanya Alhamdulillah. Yang pasti kita kena ada alasan yang kukuh dan logiklah. Takdenya mereka tak benaarkan untuk kita bercuti, ambil mc dan sebagainya. Kalau ada problem terus direct jumpa mereka. Takde masalah. Saya jadi pentadbir ni pun saya banyak belajar daripada situlah, orang mudahkan kita, kita mudahkan urusan orang jugaklah	- Pentadbir yang memahami dalam hal kebajikan guru
I	Soalan seterusnya berkaitan dengan rakan sekerja, adakah rakan sekerja cikgu ni seorang yang sedia berkongsi pelbagai ilmu dan keamhiran yang dimiliki untuk membantu memudahkan urusan pekerjaan cikgu ni?	
R	Itu sudah semestinya, sebab kita memudahkan orang, orang akan memudahkan kita balik so, macamtulah saya. Saya ni jenis senang berkawan, bila kita mudah berkawan dengan orang, orang tiada masalah nak bantu kita tolong kita kan apalagi dalam pdp kan. Kalau kita buat kerja sorang, lonely kita takkan kemana, kita perlukan kawan untuk sama-sama memberi idea dan sebagainya untuk mempertingkatkan lagi prestasi kita. Dan kita terpaksa kalau nak explore sekali pun kita kena ada kawan juga nak Tanya macam mana awak buat macam ni dan macam ni kan, saya selalu macam tu, saya sendiri. Tanya macam mana cikgu buat anak murid cikgu ni dengar arahan, senyap je, apa yang cikgu buat... ikut je arahan cikgu kan...Kita mesti tanya sebab kita tengok daripada cikgu lain kita kena tengok, kawan-kawan kita tu mengajar macam mana, Nampak yang terbaik kita kena	- Mempunyai kawan yang membantu - Tidak lokek ilmu dan sentiasa berkongsi ilmu

	kongsilah. Kita minta dia berkongsi dengan kita dan kita juga ada juga orang minta kita kongsi juga kan macam mana saya buat kan, give and take. Macam kita nak jadi yang terbaik, maksud saya kita nak mempertingkatkan apa sahaja yang kita lakukan, kita kena berkongsi idea, tak boleh lonely nanit tak kemana.	
	Kawan cikgu ni semua tak loke ilmu kan semuanya.	
R	Tak, dia atas kita sebenarnya. Kalau kita buat baik dengan orang, orang akan baik dengan kita lah. Kalau kita sombong, takde orang nak kongsi dengan kita. Kalau jenis saya ni okay, saya boleh masuk dengan semua, tak kira level mana saya boleh masuk. So, senanglah.	
I	Macam mane pula dari segi sokongan fizikal dan mental yang ditunjukkan oleh rakan-rakan cikgu? Macam cikgu stress kerja ke macam mana diorang akan tunjukkan kat cikgu?	
R	Okay, sebenarnya stress tu takdelah dalam hidup saya. Sebab saya boleh atasi dengan baik kerja saya. Jadi kalau stress tu dia banyak daripada rumah dan sebagainya kan. Jadi macam saya, prinsip saya hal yang lain-lain tu hal rumah tangga saya stop dan tinggalkan sampai pintu pagar sekolah je, saya dah masuk sekolah saya dah jadi cikgu dan saya dengan anak murid dan kawan-kawan saya yang lain, haa itu prinsip saya. Masalah tu saya ambil semula bila balik nanti. Tak campur so, saya kuranglah stress, masalah ni saya takde sangat. Sebab emm saya rasa benda tu kita boleh atasi kan so, takdelah stressnya. So, dalam mengajar ni kita nak tahu apa-apa maklumat dengan kawan kita untuk kebaikan kita jugalah. Kita explore apa yang kita nak buat yang terbaik untuk anak-anak murid kita.	- Pandai mengawal emosi
I	Adakah cikgu percaya anak-anak ni menjadi salah satu kekuatan dalam pengukuhan kerjaya ni?	
	Betul, dia support kita. Macam ni saya punya prinsip, saya nak anak saya yang terbaik dan kitalah sebagai model. Ibubapa sebagai model untuk menjadikan anak mereka yang terbaik. Bagi saya macam tulah so, saya cakap dekat anak saya, kalau saya	

	belajar sampai degree, saya nak anak-anak saya master atau lebih lagi kan. Itu punya prinsip sayalah saya tak tahu orang lain. Abah/ suami saya dia nak sampai diploma je dia belajar, takpe bagi saya saya nak sampai degree saya berjaya dan saya nak anak-anak saya lebih pada sayalah belajar, sebab ada kemudahan semua. Masa saya belajar takde kemudahan semua, semua kita cari sendiri kan. Emm contoh saya dah bekerja saya dah belajar degree, anak saya dia kita bagi peluang, takde masalah kewangan dan sebagainya kita sebagai ibubapa bagi sokongan, support diorang belajar je, saya nak anak-anak saya belajar lebih pada saya. So, dan daripada situ Alhamdulillah 2 orang anak saya master haa yang abang master dan yang adik master dalam bidang engineering di oversea. So, alhamduillah kita doalah supaya anak kita ni capai dia punya target dan kita support. Disamping itu juga, dia menyokong saya maknanya apa yang saya lalui Allah bagi mudahlah. Walaupun sebelum ni kita bersusah payah masa diorang belajar tapi Allah bagi mudah dan sekarang mereka menyokong saya, dia macam tengok saya pun okay. Mungkin saya pun tak Tanya anak saya, tapi mungkinlah dia rasa “mama aku dah sampai tahap tu dia belajar dan bekerja, kenapa kitorang tak boleh buat lebih lagi kan mungkinlah bagi diorang dia tengok saya sebagai model lah kan. Anak saya yang sulung dia ambil master saya dan suami tanggung lah. Yang kedua dapat tajaan Mara. Nak ceritanya kita sebagai role model buat anak-anak. Bila saya ada apa-apa macam event ke apa ke memang dia, anak-anak ni akan supportlah saya macam “okay je mama kalau macam ni.....dan semoga dipermudahkan urusan mama harini” dia supportlah, jadi kita pun macam teransang untuk menjadikan mereka yang terbaik dan lebih baik daripada kita.	- Menjadi contoh dan role model buat anak-anak - Anak-anak pembakar semangat
I	Cikgu kan dan mula kerjaya cikgu pada usia yang muda lagi kan 25 tahun kan, jadi anak cikgu time tu cikgu hantar dekat nursery kan, pastu cikgu sambung belajar anak time tu umur berapa?	
R	Dah besar dah, yang sulung dah masuk UITM dan kedua form 4	

I	Semuanya dah besar kan, jadi macam mana yang form 4 dan kalau yang belajar kat UITM tu mungkin cutinya dah lain dengan cuti sekolah. Jadi macam mana cikgu uruskan dan sifat berdikari dalam diri anak-anak cikgu mereka ketika berada dirumah?	
R	Takde masalah. Anak saya tak kalau dirumah saya buat 100% basuh baju, kasut semua saya buat. Anak saya 2 orang ni dia lelaki sebab saya ada 2 orang je anak saya buat semua basuh, iron baju semua. Tapi anak saya yang bongsu ni dia pergi form 1 lagi kat Alamsyah, haa dia sekolah dekat Kok Keli sampai darjah 6 dan dia dapat result baik dapat masuk Alamsyah. Saya cakap kat dia macam mana adik nak masuk asrama ni yang semua kena buat sendiri, sebab di rumah saya yang buat semua. Takpe, anak saya walaupun dirumah saya buat semua tetapi dia boleh dependent, mereka memang independent. Sebab saya bagi peluang kat dia nak buat apa sahaja, So, saya tiada masalah kalau nak tinggalkan mereka kalau pergi kursus-kursus luar.nak masuk pengakap ke apa ke saya bagi je. Di situ dia dapat jadi berdikari. Bukan kata dirumah, sebab dirumah saya buat semua. Tapi saya benarkan diorang untuk menyertai apa-apa program diluar yang boleh menjadikan dia seorang yang berdikari. Contohnya dia pengakap, dia boleh bawa diri je dalam 4 hari kem. Kem tu semua kena buat sendiri kan. Diluar sana diorang pandai berdikari. Sebab itulah dia boleh belajar macam form 1 tu dia dah pandai uruskan diri dia sendiri. Sebab saya cakap kat dia suruh tukar dekat MRSM terdekat supaya senang untuk saya urus, tapi dia tak nak. Dia memang target nak pergi belajar jauh sikit. Anak saya ni memang suka pergi jauh sampai oversea dia belajar kan. Dia memang suka explore dan suka tengok benda luar dan berfikiran luar kotak. Walaupun dirumah kita jaga sepenuhnya tapi diluar dia boleh berdikari. Macam abang tu walaupun ada manja sikit tapi dia berdikari lah. Jadi anak ni memang pembakar semangatlah. Apa yang kita beri kat anak kita, anak kita bagi balik kat kita macam tulah.	- Didik anak-anak berdikari

I	Okay, seterusnya kita masuk pada halangan yang sering dihadapi oleh wanita bekerjaya. Saya nak tanya cikgulah apa cikgu sedar tak yang mana ada satu budaya kurang sihat ni yang memperlekehkan kekuatan wanita dan ianya juga sangat sinonimlah dikenal sebagai diskriminasi jantina. Jadi apa pendapat cikgu dengan sentiment ini? Adakah ia berlaku dekat sini tak cikgu?	
R	Biasa macam ni, memang emmm sebenarnya sentiment ni tak timbul sangat, tapi dia akan timbul apabila kita bekerja emm macam sendiri, takde group kumpulan kan. Kita macam dalam satu bangunan kita duduk ni orang kata dalam satu jabatan ni, kalau kita tak bekerjasama memang akan timbul macam tulah, tetapi bila kita bekerjasama semua, baik lelaki mahupun perempuan dia takde benda tu, ia takkan timbul sentiment memperlekehkan kekuatan perempuan yang perempuan ni macam ni dan macam ni.....takde. Walaupun sebenarnya mulut sahaja tapi hakikatnya takde sebenarnya. Tapi saya tak tahulah kalau diluar sana. Kalau dijabatan yang saya duduk ni takde sikap memperlekehkan apa, sekarang ni dunia hari ni kita tahu kalau dijabatan sekolah ni dalam organisasi sekolah ni memang kita nampak bahawa perempuan melebihi lelaki kan. Disekolah ini pun hanya 11 orang lelaki dan 41 guru perempuan. So, sentiment semua ni takde sebab perempuan boleh melaksanakan apa sahaja yang diamanahkan yang mengikut keperluan masing—masing. Maknanya boleh je sebab lelaki dengan 11 orang kalau kita nak harapkan semua sekali buat emm tak mampu juga kan, sebab mereka hanya 11 orang. Nak melaksanakan emm satu-satu organisasi ni supaya bekerja dengan lebih baik, so macam mana sekalipun perempuan mesti bekerjasama. Tapi yang macam contohnya macam yang panjat-panjat tu tapi perempuan boleh sebenarnya, perempuan mampu yang boleh panjat tangga semua ni kan, tapi kita lebihkan lelaki lah untuk panjat ni kan tapi dekat sekolah saya ni kan perempuan pun ada panjat juga haaa, sebab diorang mampu diorang pun muda lagi kan. Mereka mampu untuk	- Perlu mencari networking - Saling bekerjasama antara lelaki dan wanita

	memasang langsir dan sebagainya. So, kita tak memerlukan sangat jugak tenaga lelaki, kalau dah perempuan mampu. Lelaki pun kalau diorang macam tugas masing-masing. Macam melatih murid bersukan dipadang, itu biasanya tugas lelaki lah sebab murid lelaki, tapi kalau perempuan latih murid perempuan. Sama je lah, so tidak ada sentiment perempuan tak boleh buat ni. Tak, takde. Sebab di organisasi sekolah ni dia sama rata haa jadi sentiment itu tak timbul. Tapi kalau di jabatan lain saya tak tahu, tapi dalam organisasi sekolah ni bila ramai perempuan ni dia boleh buat juga. So, tidak timbul sentiment lah perempuan tidak boleh buat kerjaya, sebab kadang-kadang perempuan lebih baik. Maaf lah kalau saya cakap, perempuan ni lebih baik sebab perempuan ni dia alert dengan keadaan semasa, lepastu perempuan ni juga dia caring lebih haaa... so lelaki ni dia macam kalau dalam perguruan, dalam pendidikan dia kalau lelaki ni dia biasalah macam kat rumah pun, ayahkan dia cari duit je kan, tapi untuk nak tengok anak belajar kea pa kan tu ibu kan, so di sekolah pun sama lah kan yang lebih bagi perhatian perempuan lah. Lelaki tu cara dia lain, berbeza, tapi dia takde caring macam cikgu perempuan lah. So, tidak ada sentiment lah, nak kata perempuan tak boleh ni emm perempuan ni boleh buat belaka dah * gelak	- Pembahagian kerja yang sama rata
I	Okay daripada pengalaman cikgu sendiri yang sudah bertahun-tahun jadi cikgu ni kan ada tak mengalami bentuk-bentuk diskriminasi jantina dalam konteks persekitaran kerja cikgu ni, macam dari segi pelaksanaan emm pemberian tugas dan tanggungjawab ke, terbeban dengan banyak tugas ke?ada tak cikgu?	
R	Emmm... Sama je, takde sebab kita dah ada tugas-tugasan kan. Sama je sebab kita mengajar kan, kecuali yang melatih sukan tu dia dah ada murid lelaki jadi cikgu lelaki lah yang melatih. Kalau murid perempuan, cikgu perempuan lah yang latih. Itu je yang bezanya tapi takdelah sentiment diskriminasi kea pa. Cuma dalam bentuk pembelajaran pun sama je dalam cikgu mengajar.	- Tiada diskriminasi

I	Okay, cikgu macam mana pula kalau dalam meeting kan, macam pernah tak perkara yang cikgu usulkan tidak dilayan oleh pentadbir ke apa?	
R	Takde...Sebab kita kena ambil dan dengar apa sahaja yang cikgu cadang dan kemukakan dalam mesyuarat. Kita sebagai pentadbir kita kena ambil tahu, tak semestinya kita laksanakan terus tak, tapi kita pertimbangkan dengarkan apa yang diusulkan. Kalau isu yang dibangkitkan itu munasabah, kita cuba pertimbangkan dan cari solution yang sesuaiilah dan bertepatan dengan kehendak cikgu ni. Sebab cikgu ni kan kadang-kadang dia macam-macam, nak tu nak ni. Tapi kita ambil dulu apa yang disarankan dan kita buat mesyuarat dan pertimbangkan dan kita maklum balik boleh ke tak nak buat benda tu, haa...supaya cikgu-cikgu semua berpuas hati dan kita juga nak cikgu ni selesa dalam bekerja. So, yang penting kita nak beli hati cikgu tu so, kita kena jagalah. Bukan kata ikut je apa yang dia cakap, tak juga kita kena pertimbangkan yang baik untuk semua. Pentadbir saya sebelum ni pun semuanya okay, macam yang saya cakaplah mereka akan mendengar segala usul atau cadangan yang dikemukakan oleh cikgu-cikgu ni.	- Menjadi majikan yang cakna akan pekerja - Mendengar permasalahan guru-guru - Menjaga tahap kepuasan pekerja
I	Bagaimana pula dari segi kenaikan pangkat atau peluang untuk memegang jawatan dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab, adakah ia dilihat sebagai sama rata bagi lelaki dan perempuan?	
R	Yaa sama rata sudah tentukan. Sebabnya sesiapa sahaja boleh naik pangkat. Sebab kalau untuk memegang jawatan kan kita akan bagi peluang untuk guru-guru yang berminat dan layak haa, kita bagi je peluang tak kira lelaki dan perempuan.	
I	Untuk naik sebagai guru besar pun sama jugalah ke cikgu.	
R	Ya, untuk memohon jawatan guru besar pun dia dikira yang layak sebab dia melalui peperiksaan, dia melalui ujian kecerdasan, dia yang layak. Haa dia yang layak tak kiralah lelaki atau perempuan ni, dia takde lebihkan mana-mana jantina.	- Kenaikan pangkat adalah sama rata

I	Okay, next boleh tak cikgu terangkan pendekatan yang cikgu gunakan dalam menyeimbangi pelaksanaan kerjaya dan aktiviti kehidupan bekerluarga?	
R	Saya sebenarnya selaku guru besar dia banyak sangat benda-benda baru ni kan yang perlu kita laksanakan. Dan sekarang ni PN25 dan sebagainya kan, jadi tugas disekolah ni amat banyaklah berbanding dengan dulu sebab kita dah dari dulu lagi kan dari guru biasa sehingga pegang guru besar ni. Dan sekarang ni banyak sangat yang perlu kita laksanakan, sebab dunia dah berubah dan kita kena terima hakikat tu kan. Dunia bukan macam dulu lagi dah, dah brubah dari tahun ke tahun, dari masa ke masa. Sekarang ni zaman Z kan, murid-murid zaman Z. So, kita kena hadap semua tu, macam mana sekalipun kita kena terima hakikat yang dunia dah berubah dan murid zaman Z dah, so macam mana sekalipun kita kena ikut perubahan. Oleh itu, sudah tentunya bila kita nak ke perubahan memanglah banyak masa-masa yang kita terpaksa cut-cut kan, Contohnya kalau dulu kita banyak menghabiskan masa dirumah dari sekolah kan, tapi sekarang kita banyak menghabiskan masa di sekolah berbanding rumah. Haa tapi alhamdulillah macam saya sendiri anak-anak dah besar semua dah, so tiada masalah bagi saya dirumah sebab saya bersama suami saja. So, sedikit saja masa saya dirumah luangkan emm bila waktu malam saya kalau boleh saya tak nak beraktiviti, sebab itulah masa saya dirumah. Sebab siang hari saya dah habiskannya disekolah. Saya sampai kerja sampai 5 petang kan, balik dah penat. Tapi sebagai seorang surirumah, saya juga perlu masak dan urus rumah tangga so, dalam masa beberapa jam tu saya terpaksa uruskan yang terbaiklah. Kadang-kadangan saya juga perlu rehat. So, malam tulah masa saya untuk rehat sepenuhnya bersama suami. Suami pun faham dah saya punya kerja ni, sebab suami saya bukan pentadbir, suami saya cikgu biasa. So, dia faham hakikatnya itulah yang dia kena terima, dan saya terpaksa. Selagi saya berada sebagai guru besar, memegang jawatan sebagai guru besar di sekolah, saya terpaksa habiskan habiskan	- Melalui cabaran dalam memegang jawatan tertingggi - Kekangan masa yang terhad - Kurang masa di rumah berbanding di sekolah

	masa untuk kepentingan sekolah lah. Dan sedikit sahaja masa dirumah. Tapi itulah kewajipan saya juga, tapi selagi saya bekerja haa,, kalau saya dah pencen nanti takpelah.	
I	Jadi pernah tak terlalu banyak kerja kat sekolah ni, cikgu bawa balik sambung pula buat kat rumah?	
R	Ada, betul saya terpaksa kadang-kadang tak sempat siap contohnya sekarang ni saya ada kursus lagi kan jadi saya terpaksa bawa balik sambung kat rumah. Sebab kalau kerja kat sekolah ni kan kita nak melaksanakan tugas dengan tengok murid lagi, dengan masalah guru lagi, mengajar lagi nak mengurus semua tu hinggan tak sempat nak buat kerja saya tu yang sedang saya jalani ni. Jadi saya bawa balik rumah, malam-malam buka laptop dan sambung lah buat kerja.	- Membawa pulang kerja
I	Pada weekend pun sama juga cikgu, cikgu ada sambung buat juga ke?	
R	Ya, weekend pun ada juga. Memang saya akan buat balik kerja dekat rumah dan kalau ada masa yang terluang sikit saya buat lah. Sebab weekend pun banyak juga kerja rumah yang tertangguh pada hari hari bekerja ni, kita nak buat pada hari hujung minggu ni nak bersih rumah dan sebagainya memang banyaklah, haa. Tapi, disamping tu saya terpaksa ceah-celahlah masa kalau ada kerja yang tak selesai lagi yang saya bawa balik kerumah. Biasalah orang berkerja office hour ni kan.	- Konflik kerja dan rumahtangga
I	Okay soalan saya yang seterusnya berkait dengan childcare, jadi berdasarkan pengalaman cikgu lah, adakah cikgu melihat peranan pusat jagaan anak-anak ni samada pasti / tadika menjadi platform yang membantu kelancaran aktiviti kerja cikgu?	
R	Ya, betul. Masa anak-anak saya kecil-kecil dulu, saya letak dekat nursery so, emm nursery ni memang banyak emm bantulah sebab ia pada masa tu kami emm kerja guru ni sampai pukul 2 petang je, pastu balik sekolah saya ambik. Tetapi kalau saya ada meeting ke atau kena pergi mana-mana saya terpaksa lanjutkan sampai	- Penjagaan nursery dan pengasuh amat membantu melancarkan urusan

	pukul 4-5 kan, so dia charge laa sikit daripada harga biasa sebab ambil lewat kan. Sebab saya cikgu so, dia ambik sampai saya balik kerja lah jam 2, jadi beza lah bayar bulanan tu kan. Kalau hari yang saya terpaksa tinggal anak saya sampai jam 4-5 dia akan charge laa berapa puluh ringgit selepas pada tu, dia kira by jam laah selepas pada pukul tu untuk saya tambah bayaran dan upah dia. Tapi dia banyaklah membantu saya dalam urusan kerja ni, tapi saya rasa emm bantu perkara dalam nursery ni, sebab dia hari bekerja sahaja, contoh kalau hari jumaat sabtu dia takde. Sebab tu setengah setengah cikgu yang bekerja ni suka ambik orang kampung untuk jaga anak sebab pengasuh yang biasa dirumah ni, sebab kalau hari minggu dia kerja pun dia boleh hantar anak dia kat tempat pengasuh lah. Tak macam nurserylah sebab dia hari bekerja saja. Itulah kelemahan nurserynya.	
I	Jadi, macam mana pemilihan cikgu dalam memilih tempat untuk tinggalkan anak ni, adakah cikgu lebih cenderung untuk hantar anak ke pusat jagaan yang berdaftar macam nursery atau pengasuh biasa macam orang kampung ni lah?	
R	Saya mula-mula masa anak saya masih kecil, saya rasa tak harap lagi nak tinggal kat nursery, sebab nursery ni dia bercampur budak-budak pun ramai, yang umur bukan sebaya ada yang 2-3 tahun ada yang 4-5 tahun apa kan, dan anak saya time tu masih kecil lagi kira dalam 4-5 bulan macam tu so, saya rasa tak berapa yakin nak tinggalkan dekat nursery so saya ambil pengasuh kat rumah. Sampai anak saya 10 bulan, dah boleh merangkak apa semua kan nak berjalan dah, so masa tu baru saya tinggal kat nursery. Haaa, kalau masih kecil-kecil ni saya bimbang sebab nursery tu dia bercampur dengan budak-budak besar dah kan, takut terlepas pandang haaa, jadi saya tinggalkan dekat pengasuh dulu laa dekat rumah. Yang mana saya cari laa jiran-jiran dekat area rumah saya untuk mengasuh anak saya, sampai umur dia 10 bulan baru saya masukkan dekat nursery. Tapi yang adik yang bongsu tu masa kecil saya dah hantar dia terus kat nursery sebab dah ada abang dia kat situ, saya hantar kat nursery lepas	- Pemilihan tempat pengasuh - Memilih pengasuh yang berdekatan rumah

	berpantang lebih kurang dalam umur 3 bulan kat sana, tapi sebab dah ada abang dia kan kat situ. So, saya pun dah kenal rapat dengan penjaga nursery kat sana tu, dia memang dah kenal dah, jadi takde masalah. Saya juga pilih nursery yang kira dekat dengan tempat saya bekerja haaa, sebab senang saya nak tengok dan pantau. Kira keluar pagar dari sekolah saya tu dah dekat dengan nursery anak saya.	
I	Okay jadi selama 33 tahun ni, cikgu ni selalu ke balik lambat sampai jam 5 ke?	
R	Tak selalunya, ikut keadaan. Bila saya masuk awal pagi, dia time office hour 7:30 habis 4:30 pastu saya masuk dalam 7:10 so saya akan balik 4:30 lah. Kadang-kadang masa tu kita ada kerja lagi kita balik lambat, dan kadang kalau ada hal mustahak kat luar kita balik awal sikit. Bergantung pada situasi laa. Tapi pentadbir ni kita dah prepare lah dan mesti datang awal.	
I	Masa dekat nursery dan anak cikgu yang form 4 tu kan, emm macam mana cikgu uruskan dalam hal ambil anak dan hantar anak ke ekolah ni?	
R	Emm tiada masalah. Masa tu kami satu kereta je, saya dan suami mengajar berlainan sekolah. Suami saya jauh lagi dia mengajar dia dekat Machang saya kat Ketereh. Kami 2 orang anak, jadi pagi tu kami bahagilah saya uruskan yang kecil suami yang besar sebelum nak hantar mereka ni. Pada malam hari tu kami dah prepare laa semua keperluan mereka kan. Waktu pagi tu suami saya hantar lah semua, lepastu masa balik suami saya lah yang akan pick up kami kami semua dari sekolah dan nursery.	- Suami yang bertanggungjawab - Bersama-sama dalam menjalankan tanggungjawab
I	Okay, kalau macam terdapat tuntutan bekerja diluar masa bekerja macam selepas jam 5 petang ke, pada hujung minggu ke, cuti kelepasan am ke contohnya lah, adakah cikgu mendapat pertimbangan yang sewajarnya daripada keluarga untuk menjaga dan mentadbir urusan keluarga yang ditinggalkan?	
R	Alhamdulillah saya takde masalah. Sebab sebelum ni saya hadiri kursus pada bulan puasa macam dekat LAB kat Jitra bulan puasa.	- Wanita yang berdikari

	Saya pergi dan drive sendiri kat Jitra selama 6 bulan, tapi semiggu sekali saya baliklah hari khamis balik, hari sabtu bertolak pergi kursus. So, dah biasa dah. Bila kita bekerjaya kita kena terima hakikat dan suami kita pun sama kena terima hakikat yang isterinyabekrja dan bekerjaya, so nak tak nak dia kena redha sebab kita bukan jenis cikgu yang dia dah terima hakikat yang saya ni siapa, saya bukan cikgu biasa, yang pergi mengajar balik rumah nak jaga rumah, tak, saya yang kenal saya sebagai guru yang inginkan orang kata apa kalau alang-alang menyeluk pekasam biarlah sampai ke pangkal lengan. Haaa, dia da terima hakikat yang saya seorang yang macam tu. So, saya pergi kursus seminggu ke berapa bulan ke, suami saya yang jaga rumah. Masa tu bulan puasa pun time anak saya kebetulan ada di rumah, cuti kan dia duduk dengan anak je lah kat rumah. Anak –anak saya pun dah faham since dari kecil lagi saya dah tinggalkan mereka ni. Saya ingat lagi saya pergi kursus kat Perak masa anak saya umur setahun, saya tinggal dekat rumah mak saya sekali lah suami saya jaga sekali diorang duduk dekat rumah mak saya lah. Sebab anak masih kecil kan susah na uruskan sendiri.	- Mengikuti kursus - Meninggalkan keluarga - Anak-anak yang memahami pekerjaan ibunya - Family membantu uruskan anak
I	Keluarga cikgu pun takde masalah lah kan kalau cikgu nak tinggalkan anak-anak cikgu kat sana?	
R	Haah, takde masalah itu dah biasa, dari kecil lagi sampai lah sekarang ni memang takde masalah.	
I	So, kalau macam cikgu nak pergi kursus atau mana-mana program lah kan pernah tak, nak pergi hantar anak ni kat rumah keluarga tiba dorang ada tuntutan lain ke apa ke? Pernah tak? Takpun kalau pengasuh ni tak boleh nak jaga anak kita time weekend sebab dorang clash dengan tuntutan yang lain, macam mana dengan penerimaan family tu?	
R	Saya boleh kata tu pun takde masalah. Alhamdulillah family saya semua okay diorang pun sangat faham dengan kerja saya ni kadang busy kena datang kursus semua tu kan. Alhamdulillah diorang sangat memahami. Datangnya makluman untuk hadir	- Family bantu jagakan anak-anak semasa ketiadaannya

	kursus, saya okay dan saya tak pernah menolak sebab itu bukan prinsip saya. Saya seboleh-bolehnya akan pergi ikut arahan yang diberikan sampailah sekarang. Alhamdulillah.	
I	Next cikgu, adakah cikgu selalu dapat kerja yang berlebihan sehingga memberi kesan kepada kesihatan mental cikgu? Macam pernah rasa anxiety, stress atau depress ke, ada tak cikgu?	
R	Memang adalah tak nafikan benda tu, lagi-lagi kita menjawab jawatan sebagai pentadbiran. dia macam masa kita ada kerja yang banyak kan, uishhh penatlah saje je mulut yang macam tu, tapi bagi kita benda tu kita boleh buat pun. Cuma pandai-pandailah kita urus, tapi saya memang banyak kadang ada kerja ni kerja tu, ni tak buat lagi terbeban lah juga rasa bila fikir dan urus ni lagi nak mengajar lagi nak urus cikgu lagi, nak kursus lagi, tapi so far kena pandai lah urus. Asalkan kita Allah bagi sihat je.	- Kerja yang banyak - Tidak pandai dalam menguruskan masa bekerja dan dirumah
I	Seterusnya, adakah cikgu pernah berhadapan dengan situasi diminta untuk menggantikan tugas orang lain diluar skop kerja cikgu?	
R	Takde, memang takde	
I	Kalau kena hadir kursus pun sama takde juga ke cikgu?	
R	Takde, memang takde lah kursus yang saya terima saya pass dekat orang lain atau kursus orang lain saya kena pergi takde. Tapi kalau yang saya tolak ada haa, sebab saya tak minat dengan kursus tu bagilah dekat orang lain. Haa itu ada, sebab saya dulu pernah diberi arahan oleh pentadbir untuk pergi kursus pra, jadi saya kena jadi cikgu pra lah, tapi saya tak minat, saya pun minta maaf lah banyak-banyak saya jumpa guru besar saya kata saya tak minat nak hadir kursus tu. Saya bagitau lah yang saya tak minat dengan budak-budak sangat, sebab saya pun anak 2 orang je. Pengurusan murid pra ni dia kan murid yang dalam pendidikan awal kanak-kanak, saya memang tak minat. Saya tolak. Saya okay je kalau dapat arahan kena g kursus mana-mana, tapi kalau yang saya tak minat saya akan tolak terus lah macam kursus untuk jadi guru pra ni, sebab bila saya pergi kursus ni saya akan jadi guru pra. Tapi	- Tiada amalan penggantian di dalam organisasi

	kalau kena hadir kursus untuk sekolah ni macam kursus kemahiran untuk membantu murid meningkatkan pencapaian ke itu lain takpe. Tapi kalau kursus tu saya kena jadi orang lain, saya tolak minta maaf.	
I	Ada tak cikgu pernah berhadapan dengan scenario dimana cikgu ni terpaksa melakukan tugas yang mencabar sehingga ia memberi kesan lah pada kesihatan cikgu? Macam cikgu kan mengajar dalam BM & BI ada tak diberi tugas kena ganti ajar PI ke SN ke?	
R	Ohh takde lah tugas yang mencabar tu takde. Tapi kalau kena ganti cikgu yang tak hadir Contohnya itu biasa lah kita panggil relieved. Tak kira cikgu dari subjek apa pun kita kena relieved class. Macam sekarang cikgu BI dia MC sakit berpanjangan so dia relieved lah. Kalau kita rasa kita mampu untuk ajar BI, kita ajarlah kalau tak kita follow lah buku teks dan sebagainya supaya kelas tu dia kekosongan dan tidak terbuanglah waktu belajar tu. Relieved tu lainlah, tapi kalau nak menggantikan ke kursus untuk subjek tu tak boleh lah sebab ia diluar bidang kuasa.	
I	Pernah tak cikgu kalau cikgu yang relieved maksudnya kena ganti guru yang MC ke, pernah tak diorang terbeban cikgu macam dia core bidang PAI tapi kena ganti ajar budak MT ke apa ke kan even ada buku teks boleh bagi tugas dalam tu tapi at the same time mereka pun aka nada rasa terbeban juga kan cikgu?	
R	Memang ada semua cikgu yang terasa macam tu, ada yang kata “ weh bebannya, hari-hari kena relieved” memang cikgu semua macam tu, akan rasa macam tu, tak puas hati sebab kita dah ajar 6 masa tambah relieved 1 masa jadi 7 masa dalam satu hari, beban lah kan bagi cikgu. Tapi kita kena gini give and take. Ini time orang, nanti time kita orang bagi & ganti macam tu juga. Ingat macam tu. Kita punya pemikiran tu lah kena mindset yang kita kena redha, dan ingat kawan kita mungkin masalah dia time ni	- Beban kerja - Mengawal emosi

	time dia, besok time kita haa, orang akan macam tu jugak. So, kita kena berjiwa bersih lah *ketawa.	
I	Okay seterusnya, apakah kekuatan dan kelemahan cikgu, dan macam mana cikgu atasi untuk memastikan kejayaan dalam kerjaya cikgu ni?	
R	Sebenarnya untuk pengukuhan dan sebagainya kita kena belajar sentiasa belajar, sampai ke akhir hayat kitalah. Selagi kita bekerja sampai ke akhir hayat pekerjaan kita. Kita kena sentiasa belajar, sebab dunia pendidikan hari ni tak kan sama macam dulu, perubahan semasa. Sekarang ni dengan kurikulum pun dah berbeza kan ESSR dan sebagainya kan, ada semakan dan sebagainya so kot mana pun kita kena teruskan belajar untuk mengukuhkan kita punya tingkatkan prestasi kita, mengukuhkan ilmu pengetahuan kita so kita kena terus belajar itu sahaja caranya. Pengalaman yang lama sebagai panduan, dan untuk yang akan datang kita dah tak boleh nak gunakan yang dulu sebenarnya sebab itu hanya pengalaman. Dan for in the future kita kena belajar, haaa selagi kita bekerja dalam bidang pendidikan kita kena teruskan belajar, dia keluarkan dia punya emm TN25 contohya transformasi perubahan yang perlu dilaksanakan disemua sekolah kan, so sekolah sekarang ni TN7 so kena belajar lah, saya sekarang ni sedang kursus pastu saya habis nanti saya kena aplikasikan dekat sekolah saya lah, so cikgu-cikgu kat sekolah saya kena belajarlal nanti dan ikut apa yang telah diarahkan oleh KPM. Pelbagai inisiatif yang dilaksanakan untuk pembangunan anak-anak. Murid-murid terutamanya BM kita lah. Dan sekarang ni bahasa lain pun sama juga kan tapi nak cakap disininya perubahandemi perubahan berlaku dari semasa ke semasa dan kita sebagai guru kena belajar dan terus belajar untuk memajukan diri kita selaras dengan kehendak KPM.	- Sentiasa ingin menuntut ilmu - Kelemahan dan kekurangan dalam diri sentiasa diperbaiki - Sentiasa bersemangat dalam meneruskan kerjaya
I	Boleh ke saya nak go back pada soalan yang relieved tadi kan, untuk ganti tugas dan masa orang lain tu dia kira macam mana, adakah dia tengok kekosongan cikgu lain ataupun macam mana?	

R	Okay, macamni kat sekolah ni kita ada penyelaras jadual. Jadi penyelaras jadual tu dia akan tengok berapa cikgu yag tak dapat hadir contoh harini dalam 5 orang cikgu tak hadir so, malam tu kita dah set dah sapa yang tak hadir ni, dah maklum pada saya, saya akan maklum pada penyelaras untuk jadual ganti dorang. Penyelaraslah yang buat, malam tu juga dibuat dan dikeluarkan jadual ganti. So, cikgu-cikgu yang datang sekolah tu dia dah tahu dah dia ada kena gantikan ganti masa cikgu lain.	
I	Kiranya untuk isikan kekosongan kelas tu, balance lah cikgu takde pilih memilih antara cikgu ni?	
R	Haa takde, masa kita nak masukkan nama dorang tu kita akan tengok dulu lah masa cikgu-cikgu ni, macam yang dah ajar 6 masa kita tak bagilah, kita akan ambik cikgu yang ajar 4 masa ke. Semuanya dalam sistem kan, so memang mudahlah untuk kita tengok masa-masa guru-guru ni. Semuanya memang kita akan selaras belaka lah.	- Adil dalam pembahagian tugas
I	Okay cikgu, apa yang memberi inspirasi kepada cikgu dalam meneruskan profesion sebagai cikgu sampai hari ini?	
R	Okay inspirasi saya adalah saya nak menjadi seorang yang berjaya sebagai seorang pendidik, walaupun orang tak nilai kita, tapi diri kita sendiri yang akan rasa puas dengan apa yang kita laksanakan, itu yang penting. Kita rasa kita nak anak-anak kita berjaya semua kan so, kita buat yang terbaik. Inspirasi kita nak tengok kejayaan anak-anak. Bangganya kita bila anak-anak murid kita ni berjaya. Ada jumpa yang jadi doctor, lawyer dan sebagainya itulah yang inspire saya. Lihat anak-anak berjaya. Sebab kita dah rasa kita berjaya setakat ni kan, so kita nak anak murid kita ni lebih lagi dari kita.	- Sumber inspirasi dalam meneruskan karier
I	Macam mana pula dari surrounding cikgu maksudnya adakah cikgu minat dalam bidang cikgu ni sebab mungkin daripada family ke apa?	
R	Saya dari dulu bukan nak jadi seorang guru pun, semuanya rezekilah tengok dapat jadi guru jugak. So, dengan tak dirancang,	

	adik beradik saya majoriti guru, suami pun dapat guru, haa itu semua kuasa Allah lah kan takdirkan kita semua ni guru. Guru ni kerja yang mulia macamtulah. Dari dulu tak nak jadi guru pun kalau boleh nak bidang lain yang mencabar, macam anak saya pun sukakan cabaran. Tapi orang kata dah rezeki kita guru jadi setakat ni jelah kita. Walaupun tinggi mana pun kita, jawatan kita tapi kita tetap seorang guru. Tapi klimaknya saya ada, saya berakhir dengan guru besar. Itu saya kata dia atas cita-cita kitalah. Sampailah kita punya inspire ni nak jadi somebody. Target daripada jadi guru baik aku jadi guru besar terus akhir aku nanti haa, ending nanti rasa nikmatnya tu kan. Dan kejayaan anak-anak murid kita dah berapa ribu orang dah kita dan mendidik murid-murid ni kan.	
I	Apa strategi yang cikgu gunakan untuk berada sampai tahap tinggi ni?	
R	Emm saya takde strategi sebab saya bukanlah seorang yang perancang nak begini dan begini tak. Dia macam dalam diri kita ni dah ada target tau, kita ni nak jadi sesiapa nanti in future saya kata “alang-alang aku dah jadi guru, kita kena macam orang kata alang-alang dah menyeluk pekasam biarlah sampai ke pagkal lengan”, saya selalu fikir macam tengok orang jadi Pk kan pastu kata kat hati “orang lain boleh jadi Pk nape aku tak boleh kan, baik aku cuba”. Kita rasa kita mampu, begitu juga bila nak jadi guru besar akan terpikir “nape aku tak boleh jadi guru besar kan, dia boleh jaga nape kita tak boleh kan why not aku try” sebab mungkin rezeki berpihak pada kita, mana tahu kan. Bila dah jadi guru besar ni tanggungjawab lagi besar lah. Kita terpaksa hadap lah. Dan masa sambung ke ijazah pun takde plan nak jadi guru besar, sebab plan time tu nak tambah ilmu dan gaji kan. Kita nak cuba benda yang baru supaya kita lebih excellent lah nanti. Bila dah sampai satu tahap tu kita kena merebut peluang, haa. Saya suka merebut peluang yang ada, kalau tak dapat kita redha jelah mungkin setakat tu saje rezeki kita, tapi peluang tu cuba merebut peluang yang ada. Saya selalu cakap kat murid-murid dan anak-	- Sentiasa merebut peluang

	anak, bila peluang ada depan mata cuba dapatkan dan grab peluang tu, ada rezeki untuk kita, inshaa Allah ada. Dan kita kena usaha lah, kena ada target dan niat. Semuanya kena seiring lah. Bukan senang tapi kita cuba yang terbaik. Sebab kita rasa kita mampu, jangan kita rsa kita tak mampu tapi nak rebut juga peluang tu, tu tak bolehlah nanti kita akan collapse ditengah-tengah jalan. Kena usaha kearahnya buat yang terbaik.	
I	Okay Alhamdulillah setakat itu sahaja interviu kita pada pagi ni cikgu, terima kasih banyak cikgu kerana sudi luangkan masa dan ruang untuk saya iv cikgu pada pagi ni. Assalamualaikum.	
R	Okay, sama-sama. Waalaikumusslam	